

Keterangkuman, kemampuan teras kebangkitan Malaysia, ASEAN

Kuala Lumpur: Keterangkuman dan kemampuan harus dijadikan teras dalam kebangkitan Malaysia dan ASEAN, dengan memilih perkongsian kemakmuran secara adil tanpa sesiapa pun yang terkecuali, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, di bawah kepimpinan Malaysia, blok ASEAN kekal teguh kepada prinsip kepusatan ASEAN yang bebas untuk bekerjasama dengan Amerika Syarikat (AS), China, India, Eropah dan negara lain tanpa perlu memihak atau terikat dengan konflik ne-

gara luar.

“Alhamdulillah, misi delegasi Malaysia di empat negara iaitu Emiriah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom (UK), Belgium, dan Switzerland telah berakhir.

“Saya turut menggunakan misi ini untuk menjulang hubungan erat ASEAN sebagai kekuatan bagi rantau kita,” katanya dalam hantaran di Facebook, semalam.

Anwar berkata, beliau menanggapi satu perkara penting menerusi misi delegasi Malaysia ke empat negara terbabit

yang antara lain memperkukuh hubungan dua hala, menarik pelaburan dan meningkatkan perdagangan.

Katanya, meskipun berdepan dengan pelbagai rencam politik, pimpinan dan rakyat negara terbabit memberi tumpuan penuh kepada ekonomi, budaya ilmu, kemahiran, keterampilan dan kecerdasan buatan (AI).

“Sikap ini harus kita teladani, ketimbang sepanjang masa berbicara soal titik bengkok yang memecah-belah dan merugikan,” katanya. BERNAMA